

## → RASUAH

# Pahang hasil sistem atasi salah guna kuasa, rasuah

➔ Projek ABMS pertama di Malaysia dibangunkan UMP, Yayasan Pahang

Oleh Amin Ridzuan Ishak  
aminridzuan@bh.com.my

► Kuantan

Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) dibangunkan Yayasan Pahang dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) adalah yang pertama di negara ini khusus bagi membendung jenayah rasuah dalam kalangan masyarakat.

Sistem yang dibangunkan dengan kerjasama Institut Tadbir Urus Korporat (MIGC) itu menyediakan senarai garis panduan yang

perlu diikuti pelbagai pihak bermula daripada pengurusan atasan sehingga pelanggan bagi mengelak berlaku rasuah atau salah guna kuasa.

Ia direka bentuk untuk mengukir, mengesan, menghalang risiko rasuah dan salah laku dalam kalangan pengurusan atasan, pelabur, warga kerja, pelanggan dan pihak berkaitan.

### Projek perintis

Pengurus Besar Yayasan Pahang, Datuk Mahmud Nawawi, berkata projek perintis sistem berkenaan sudah dilaksanakan membabitkan



Adnan beramah mesra dengan peserta Persidangan Tadbir Urus dan Integriti di Kuantan, semalam.

kakitangan syarikat milik Kerajaan Pahang bagi memastikan mereka bersedia dan memahami proses ditetapkan.

Beliau berkata, hasil projek perintis berkenaan, Yayasan Pahang berpeluang memahami tahap kesedaran berkaitan etika dan integriti dalam kalangan kakitangan dan persepsi mengenai fungsi ABMS.

"Kita berharap agensi kerajaan dan syarikat milik kerajaan menggunakan ABMS... ia dapat membantu mengelak serta mengurangkan risiko rasuah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

berucap pada majlis perasmian Persidangan Tadbir Urus dan Integriti anjuran Yayasan Pahang dan UMP di sini, semalam.

Persidangan kali pertama itu dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob yang turut melancarkan ABMS.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan dan Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

### Galak agenda integriti

Sementara itu, Daing Nasir berkata, inisiatif membangunkan

ABMS serta Jurnal Urus Tadbir dan Integriti adalah komitmen berterusan Pusat Tadbir Urus dan Integriti (PGIC) yang berpusat di Fakulti Pengurusan Industri (FIM) UMP Gambang.

"Ia selaras sasaran kerajaan menggalakkan agenda integriti menerusi kepakaran dan penyelidikan akademik selain menyediakan platform intelektual untuk sumber relevan, laporan penerbitan dan kajian kes.

"Ia boleh dilakukan menerusi pembabitkan golongan akademik, industri dan pembuat dasar," katanya.